

BAB KEDUA

PEPERANGAN DALAM ISLAM

2.0 PENDAHULUAN

Peperangan adalah suatu yang tidak asing lagi dari lembaran sirah perjuangan Rasulullah S.A.W. Sepuluh tahun permukiman Baginda S.A.W. di Madinah selepas peristiwa hijrah merupakan tahun-tahun yang penuh dengan agenda jihad *qitāl*. Rasulullah s.a.w telah mewujudkan madrasah ketenteraan pertama setelah berhijrah ke negara Madinah. Di dalam madrasah tersebut, kaum muslimin kesemuanya telah diajar berkenaan model peperangan, kebijaksanaan serta strategi. Kepelbagaian contoh tersebut telah meletakkan madrasah ciptaan Rasulullah s.a.w ini tidak diragui hanya sebagai teori semata-mata, bahkan dibuktikan kesahihannya dan kesempurnaan secara praktikal.¹

Menurut pengertian syarak, *'qital fi sabilillah'* bermaksud : *"Menggunakan semaksimanya segala kekuatan, kuasa, dan upaya yang ada dan menanggung kepayahan dan kesukaran untuk memerangi musuh dan menangkis serangannya"*.² Ibnu Qayyim al-Jauziyah meletakkan jihad itu terbahagi kepada empat peringkat iaitu peringkat hawa nafsu, syaitan, jihad terhadap orang bukan Islam dan munafik dan jihad kepada para penzalim, pelaku bid'ah dan kemungkaran.³

¹ Al-Fazlur Rahman (1990), *Muhammad Panglima Tentera*, Penerbitan Hizbi Sdn Bhd.

² Imam al-Mawardi (1996), *al-Ahkam as-Sultaniyyah*, ter. Maktabah al-Islami (Beirut, Damsyiq dan Amman).

³ Dr Mamduh al-'Arabi (1988), *Daulah ar-Rasul fil Madinah*, ter. Al-Haiah al-Misriyyah Al-'allahamah lil Kitab, Mesir.

Sayyid Abu al-'Ala al-Maududi pula menyebutkan bahawa jihad perlu diberikan pengertian yang khusus iaitu peperangan yang dilakukan oleh kaum Muslimin untuk menentang musuh-musuh Islam kerana mengharapkan keredhaan Allah tanpa ada sedikit pun tujuan duniawi.⁴ Selain itu, menurut pandangan beberapa ulama fiqh mengenai pengertian jihad, mereka telah menggunakan kalimah *qital* yang memperlihatkan seolah-olah pengertian jihad dan peperangan itu adalah serupa. Oleh itu, kita juga boleh menyebutkan bahawa jihad itu adalah peperangan, walaubagaimanapun takrifan itu berbeza dengan maksud dan konsep peperangan biasa yang bukan daripada Islam.⁵ Manakala Syeikh Muhammad Khayr Haikal menyatakan bahawa jihad itu adalah mengerahkan kekuatan dan kemampuan baik dalam bentuk kata-kata mahupun perbuatan.⁶

Pada awalnya, ketika pendudukan Islam di Kota Makkah, Baginda tidak diarahkan oleh Allah s.w.t agar berperang, malah mengutamakan bersabar⁷ yakni mengelakkan berlakunya pertembungan sebagaimana ayat-ayat Al-Quran yang diturunkan Allah s.w.t.. Misalnya di dalam Surah Al-Muzammil, ayat ke 10 :

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَأَهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا

Terjemahan :

“dan Bersabarlah terhadap apa Yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu), dan jauhkanlah dirimu dari mereka Dengan cara Yang baik.”

⁴ Mahmud Syis Khattab (1989), *Al-Rasul al-'Aqid*, ter. Darul-Fikr, Beirut (Lubnan).

⁵ Sayyid Sabiq (1411H), *Fiqh as-Sunnah*, jil.3, bab jihad, ter. Darul-Fatah Lil I'lam al-'Arabi, Kaherah.

⁶ Muhammad Khayr Haikal (1996), *Al-Jihad wa al-Qital fi al-Siyasah al-Syariyyah*. Hal.39, Vol. 1.Dar al-Bayariq, Beirut.

⁷ Mustafa As-Sibaie (2000), *Sirah Nabawiyah : Pengajaran dan Pedoman*, Pustaka Salam, Kuala Lumpur.

Anjuran Allah s.w.t supaya bersabar dan mengelakkan pertumpahan darah ini bukanlah bertujuan memperlihatkan kelemahan Islam, bahkan kelompok Islam pada ketika itu berhadapan dengan kekuatan yang kurang iaitu memiliki jumlah yang sedikit. Oleh hal yang demikian, Dr. Mustafa As-Sibaie mentafsirkan sirah ini dengan bermaksud bahawa Rasulullah s.a.w memulakan dakwah dengan kaedah seruan yang baik serta nasihat. Baginda membacakan kitab Allah kepada kaumnya.

Di samping berbicara dengan mereka melalui hati dan akal, Baginda turut berbicara tentang perkara-perkara yang boleh mencelikkan mata mereka terhadap kepercayaan keberhalaan, khurafat, kesesatan dan kejahilan mereka. Namun kaumnya membalas seruan lembutnya itu dengan halangan dan ejekan. Kemudian dengan tuduhan yang direka-reka dan tindakan menyakiti (Baginda serta orang Islam). Akhirnya dengan komplot untuk membunuh Baginda. Sehingga Allah menyediakan satu tempat untuk dakwah Baginda yang membolehkan Baginda menetap dengan aman dan tenang serta melaksanakan misi dakwah secara lebih luas dan kuat.⁸

Generasi awal Islam (iaitu para sahabat r.a.) yang telah dididik dan ditarbiah oleh Rasulullah S.A.W., mereka bukan sahaja diasuh untuk menjadi seorang Muslim yang baik dan taat tetapi juga menjadi seorang mujahid yang tabah dan cecal berjuang mempertahankan Islam di medan perang. Di antara yang berjaya di dalam medium didikan Rasulullah di antaranya adalah Abu Bakar bin Abi Quhafah, 'Ali bin Abi Talib, Bilal bin Rabah, Abu Ubaidah Amir bin al-Jarrah, Abu Salamah 'Abd al-Asad dan ramai lagi.⁹ Rasulullah S.A.W. telah mendedahkan kepada mereka *manhaj* dan prinsip-prinsip yang terbaik bagi segala hal yang berkait dengan peperangan sama ada dari sudut matlamat, persediaan, peraturan-peraturan dan adab-adab dalam peperangan

⁸ Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti (2000), *Fiqh Sirah (Jilid 2)*, h.271, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar Sdn Bhd.

⁹ Ibnu Hisam, 'Abdul Malik bin Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah*, cet. 2, tahqiq : Mustafha al-Saqa, Musthafa al-Babi al-Halabi, jilid 1, hal. 245.

mahupun dari segi perancangan, strategi dan taktik-taktik di tengah medan perang. Dengan membaca dan mengkaji sirah perjalanan jihad *qitāl* (peperangan) Rasulullah S.A.W. dan para sahabat, umat Islam khususnya para pendakwah dan mujahid di kalangan mereka akan mendapat banyak ilmu dan tunjuk ajar berharga dalam hal-hal yang berkait dengan jihad dan peperangan. Di samping itu, ia sebagai persediaan menghadapi ancaman, dan peperangan dari pelbagai sudut daripada musuh-musuh Islam.¹⁰

Al-Quran menegaskan kewajiban berjihad dan melengkapkan kekuatan tentera berkekalan hingga ke hari kiamat. Di samping kewajipan tersebut berlaku apabila diperintahkan oleh pemimpin sesebuah negara Islam.¹¹ Umat Islam perlu bertindak untuk meningkatkan azam dan cita-cita bagi meningkatkan kekuatan tentera mengikut perkembangan semasa dengan mengekalkan ciri-ciri asas ketenteraan Islam. Apa yang perlu dilakukan oleh umat Islam di dalam menghadapi arus modenisasi sekarang adalah dengan mengambil kira prinsip dan teori keislaman sebagai asas pembentukan kekuatan tentera yang tahan diuji. Perbezaan utama di antara prinsip Islam dengan yang lain ialah prinsip Islam bersumberkan agama Allah S.W.T., iaitu sumber yang kuat, nyata dan sempurna yang bersesuaian untuk sepanjang masa, dapat membentuk anggota yang komitmen, kuat dan tidak mudah dikalahkan dengan izin Allah S.W.T.

2.1 MAGHAZI RASULULLAH S.A.W.

Ilmu-ilmu tentang peperangan tidak boleh sekali-kali dilupakan oleh umat Islam pada mana-mana zaman sekalipun. Ini kerana, musuh-musuh Islam di mana-mana sahaja tidak akan berdiam diri melihat Islam bangkit dan umat Islam bangun

¹⁰ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor (2008), *Peperangan Rasulullah s.a.w.*, hal.vii, Jundi Resources Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

¹¹ Wahbah al-Zuhayli, *Fiqh dan Perundangan Islam*. Trans. Dr. Ahmad Shahbari Salamon. jil.6, hal.452, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

menegakkan syariat Tuhan mereka. Mereka akan melakukan apa sahaja perancangan dan tindakan untuk memerangi umat Islam termasuklah mengangkat senjata. Sejak awal kebangkitan Islam hinggalah ke hari ini, umat Islam tidak putus-putus menghadapi serangan daripada musuh-musuhnya. Pada zaman Rasulullah S.A.W., musuh-musuh Islam terdiri dari golongan Musyrikin dan orang Yahudi.

Ilmu *maghazi* ini diajar secara langsung oleh Rasulullah s.a.w kepada para sahabatnya misalnya sepertimana yang dinukilkan oleh cucu kepada sahabat Baginda s.a.w yang terkenal Saad bin Abi Waqas iaitu Ismail bin Muhammad bin Saad bin Abi Waqas berkata : "*Bapakku telah mengajar kepada kami maghazi dan sariyah-sariyah dan ia sentiasa mengulanginya kepada kami*".¹² Malah, ia ditulis secara konsisten oleh para ulama di dalam kitab-kitab mereka.¹³ Oleh hal yang demikian, yang diertikan sebagai *maghazi* adalah ilmu yang berkaitan dengan strategi, dan taktik di dalam peperangan.

Apa yang berlaku hari ini di Afghanistan, Palestin, Lebanon, Iraq, Bosnia dan yang terakhir sekali di Chechnya menunjukkan kepada kita bahawa umat Islam di zaman moden hari ini juga tidak terlepas dari ancaman serangan bersenjata dari musuh-musuh mereka. Oleh itu, mereka mesti bersedia dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada kewajipan jihad (termasuklah jihad peperangan) sepertimana sikap yang telah ditunjukkan oleh para sahabat dan generasi umat Islam terdahulu.

Al-'allamah Imam Ibnu Taimiyah menegaskan di dalam fatwanya mengenai jihad: "*Apabila bumi umst Islam dinodai oleh golongan kuffar walaupun sedikit, maka*

¹² Hasan Muhammad Masyat (1953), *Umarat ad-Duja fi Maghazi Khairil-Wara*, ter. Dar Misr Littiba'ah.

¹³ Syeikh Sofiyurhaman al-Mubarakfuri (1991), *ar-Rahiqul Makhtum*, ter. Dar al-Wafa, Mansurah Mesir.

jihad di kala itu hukumnya adalah fardhu ain."¹⁴ Persediaan yang pertama sekali ialah dengan memasang niat dan menanam azam untuk berjihad sekiranya Islam atau umat Islam diancam oleh musuh-musuhnya. Ia juga akan berusaha memperkukuhkan akidah dan kekuatan rohaninya, ilmu dan kesedarannya serta memantapkan fizikal dan latihan *jundiyyahnya* (ketenteraan) sebagai persediaan untuk mengharungi bebanan jihad apabila tiba masanya.

Termasuk juga dalam persediaan yang penting ialah pendedahan diri kepada sirah perjuangan jihad Rasulullah S.A.W. Seseorang Muslim yang ingin menempa nama sebagai seorang mujahid mesti sentiasa mendampingi sirah jihad Rasulullah S.A.W. dengan membaca dan mengkajinya, menyelami dan menghayati isi kandungannya. Ini kerana, dalam sirah jihad Baginda S.A.W. bukan sahaja mengandungi hukum-hukum dan pengajaran tentang jihad, malah terdapat juga roh dan semangat jihad yang akan sentiasa memberi motivasi serta dorongan kepada seorang mujahid untuk berjihad bersungguh-sungguh walau apa sekalipun pekerjaan dan cabaran yang bakal dihadapi.

2.1.1 Pendekatan Dakwah Nabi Muhammad s.a.w dalam konteks jihad¹⁵

Apabila diperhatikan pendekatan-pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Nabi S.A.W. dan para sahabat, maka tidak dapat dinafikan satu kenyataan bahawa jihad *qitāl* merupakan salah satu alternatif dalam pendekatan dakwah Baginda. Kita dapat melihat dengan jelas bagaimana Nabi Muhammad S.A.W. melakukan pendekatan dakwah secara global kepada golongan bukan Islam. Secara umum, golongan bukan Islam yang menjadi sasaran dakwah terbahagi kepada dua golongan iaitu ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) dan bukan ahli Kitab.

¹⁴ Ibnu Ismail (2001), *Dr Abdullah Azzam, Merintis Khilafah yang Hilang*, h.16, Kuala Lumpur, Pustaka Syuhada.

¹⁵ Ali Mustafā Yakub (1997), *Sejarah dan Metode Dakwah Nabi*, h. 147, Jakarta: Pustaka Firdaus.

a. Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)

Pendekatan dakwah kepada mereka dilakukan melalui tiga alternatif iaitu:

Pertamanya, mereka diajak dan diseru terlebih dahulu masuk Islam dengan sukarela tanpa ada paksaan sedikit pun seumpama yang berlaku ketika Nabi s.a.w berada di Makkah. Sebahagian daripada golongan itu ada yang beriman kepada ajaran agama Hanif Nabi Ibrahim a.s.¹⁶ Apabila mereka mahu menerima alternatif ini, bererti mereka menjadi sebahagian daripada keluarga besar umat Islam.

Keduanya, apabila mereka tidak mahu menerima alternatif pertama, maka, Islam memberi kebebasan kepada mereka untuk tetap memeluk dan menjalankan ajaran agama mereka. Islam tidak memaksa mereka untuk masuk Islam tetapi dengan syarat, mereka tunduk dan bersedia menerima sistem dan pemerintahan Islam. Seumpama yang pernah digazetkan beberapa fasal di dalam Piagam Madinah diantara Nabi Muhammad s.w.t selaku ketua negara dengan kaum yang bukan Islam seumpama Bani Auf, al-Harith, Sai'dah, Jusyam, al-Najjar, 'Amru bin 'Auf dan Bani al-Nabiet.¹⁷

Mereka (kaum-kaum tersebut) berhak memperolehi perlindungan, sama ada untuk keselamatan diri mereka sendiri mahupun untuk harta mereka, sama seperti halnya warganegara Muslim. Sementara dalam masalah kewajipan, apabila warga Muslim diwajibkan membayar zakat maka, mereka diwajibkan membayar *jizyah* (cukai). *Jizyah* adalah kewajipan yang harus dibayar kepada pemerintah oleh warga bukan Islam sebagai imbalan jaminan keamanan bagi mereka. Besar kecilnya *jizyah* itu

¹⁶ Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti (2000), *Fiqh Sirah (Jilid 1)*, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar Sdn Bhd.

¹⁷ Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti, (Jilid 2) *op.cit.*, h.296.

ditetapkan oleh pemerintah.¹⁸

Yang ketiganya, apabila alternatif kedua itu masih mereka tolak, ini bermakna mereka tidak mahu tunduk kepada pemerintah Islam. Maka, alternatif ketiga adalah mereka diperangi sampai mereka tunduk terhadap pemerintah yang antara lain dibuktikan dengan kesediaan mereka untuk membayar *jizyah* kepada pemerintah Islam. Mereka diperangi sehingga mereka mahu membayar *jizyah*, bukanlah sehingga mereka masuk agama Islam. Firman Allah S.W.T. :

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا
حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

Terjemahan:

*“Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu daripada orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani) sehingga mereka membayar ‘jizyah’ (cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam sebagai imbalan kepada keselamatan diri mereka) dalam keadaan taat dan merendah diri”.*¹⁹

(Surah *al-Taubah*(9):29)

Dalam menjelaskan ayat ini, Dr Said Ramadhan al-Buti menyatakan pandangannya bahawa peperangan atau perjanjian atau perdamaian antara umat Islam dengan umat yang lain adalah beerti tunduk dan tertakluk kepada apa yang dinamakan polisi syara’ (*Siasah syar’iyyah*) atau hukum pemerintah.²⁰ Ini bermakna peperangan

¹⁸ *Ibid.*, h.293.

¹⁹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Taubah*, h. 193.

²⁰ *Ibid.*, h.318.

dan taklukan tersebut adalah supaya mereka dapat menerima agama serta pemerintahan Islam, bukan bermaksud paksaan.²¹

b. Bukan Ahli Kitab

Golongan ini sering diistilahkan dengan “*Kaum Musyrikin*”, meskipun sebenarnya golongan yang pertama juga termasuk orang-orang yang musyrik. Bagi golongan ini, para ulama berbeza pendapat tentang alternatif pendekatan dakwah yang ditujukan kepadanya. Imam Syafi’ie, Imam Ahmad dan beberapa lagi ulama berpendapat bahawa kepada golongan musyrikin ini hanya ada dua alternatif seperti berikut:

Pertamanya, mereka terlebih dahulu diajak untuk memeluk Islam. Apabila mereka mahu maka, mereka akan menjadi sebahagian daripada umat Islam. Manakala jika mereka tidak mahu memeluk Islam maka, alternatif kedua dan terakhir adalah mereka diperangi sampai mahu memeluk Islam.²² Mereka tidak ditawarkan alternatif membayar *jizyah* kerana Rasulullah S.A.W. tidak pernah memberikan alternatif membayar *jizyah* kepada kaum Musyrikin di Jazirah Arab yang tidak mahu memeluk Islam. Justeru itu, mereka diperangi oleh Rasulullah S.A.W.

Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan lain-lain berpendapat bahawa semua orang-orang bukan Islam, sama ada termasuk Ahli Kitab mahupun bukan Ahli Kitab dapat ditawarkan alternatif membayar *jizyah* kepada mereka atau dengan kata lain, alternatif-alternatif pendekatan dakwah kepada semua orang bukan Islam adalah sama iaitu diajak masuk Islam terlebih dahulu. Sekiranya mereka tidak mahu memeluk Islam,

²¹ *Ibid*, h.319.

²² Dr Muhammad Hussein Haykal (2006), *Sejarah Kehidupan Nabi Muhammad*, Bab 21, Khaybar dan Perutusan Raja-raja, h.555, Kuala Lumpur, Crescent News Sdn Bhd.

mereka tetap perlu membayar *jizyah* atau mereka diperangi sehingga mereka membayar *jizyah*.²³

Dalil yang dipakai ulama kelompok kedua ini adalah perbuatan Rasulullah S.A.W. di mana Rasulullah S.A.W. memungut *jizyah* dari orang-orang Majusi Hajar, padahal orang-orang Majusi adalah bukan Ahli Kitab, mereka termasuk orang atheris (musyrik) penyembah api. Walaupun Rasulullah S.A.W. tidak pernah memungut *jizyah* dari orang-orang *Musyrikin Jazirah Arab* seperti yang dikatakan oleh kelompok pertama tadi, hal itu kerana pada waktu ayat *jizyah* (*at-Taubah: 29*) itu turun, iaitu selepas *Fathul Makkah* (pembukaan Mekah), di Jazirah Arab sudah tidak ada lagi orang-orang Musyrik kerana mereka sudah memeluk Islam kesemuanya.²⁴

Kerana itulah, Rasulullah S.A.W. kemudian memerangi orang-orang Nasrani di Tabuk pada saat itu tidak termasuk wilayah Jazirah Arab. Seandainya di Jazirah Arab pada saat itu masih ada orang-orang Musyrikin dan mereka tidak mahu membayar *jizyah*, tentulah Rasulullah S.A.W. memerangi mereka.

2.1.2 Hukum Berperang Dalam Islam.

Hukum berperang di dalam Islam adalah seperti berikut:

a. Hukum Secara Umum.²⁵

Para ulama sepakat mengatakan bahawa *Qitāl Fi Sabilillah* (berperang di jalan Allah) hukumnya adalah wajib. Mengenai dalil kewajipan jihad tersebut di antaranya

²³ Ali Mustafa Yakub (1997), *Sejarah dan Metode Dakwah Nabi*, Jakarta: Pustaka Firdaus.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Munir Muhammad al-Ghadban (1990), *Al-Manhaj Al-Haraki 'ala Sirah Nabawiyah*, Jordan, ter. Maktabah al-Manar

adalah seperti firman Allah S.W.T.:

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Terjemahan:

“Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah) sama ada dengan keadaan ringan ataupun dengan keadaan berat (iaitu sama ada dalam keadaan susah atau senang, bersemangat atau tidak bersemangat) dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.”²⁶

(Surah al-Taubah (9):41)

Ayat di atas menjelaskan secara umum berkenaan kewajipan serta kemestian keluar berperang walau dengan apa cara sekalipun. Di dalam Tafsir Nurul Ihsan, ayat ini diturunkan tatkala berlakunya peperangan Tabuk yang menyaksikan situasi negara Madinah yang berhadapan dengan musim panas terik dan kegawatan ekonomi.²⁷ Perjalanan untuk ke medan terlalu jauh dan mencabar. Di kalangan para sahabat ada yang meminta izin untuk tidak keluar berperang, lalu Allah menurunkan ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa kewajipan berperang mesti dilaksanakan walau berhadapan apa jua rintangan.

Ayat seterusnya, Allah s.w.t memerintahkan berperang menentang musuh walaupun situasi serta amalan berperang tersebut merupakan perkara yang dibenci dan tidak disukai oleh manusia. Ini kerana di dalam peperangan juga Allah s.w.t telah membenarkan perbuatan membunuh (memutuskan nyawa) seseorang musuh

²⁶ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Taubah*, h. 196.

²⁷ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.122.

itu sedangkan secara fitrahnya manusia membenci pembunuhan. Firman Allah s.w.t:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ
خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Terjemahan:

*“Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang penceroboh) sedangkan peperangan itu ialah perkara yang kamu benci”.*²⁸

(Surah al-Baqarah (2): 216)

Di dalam ayat yang lain pula, Allah s.w.t menyebut:

﴿ فَلْيُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَشْرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ وَمَنْ
يُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴾ ﴿٧٤﴾

Terjemahan:

*“Oleh itu, orang (yang beriman) yang mengutamakan kebahagiaan akhirat daripada (kesenangan) kehidupan dunia hendaklah berperang pada jalan Allah (untuk membela Islam). Sesiapa yang berperang pada jalan Allah, lalu dia mati (gugur syahid) atau beroleh kemenangan maka, Kami akan memberi kepadanya pahala yang besar”.*²⁹

(Surah al-Nisa' (4): 74)

Manakala di dalam ayat ini pula, Allah menyertakan selepas kewajipan berperang itu disebaliknya memiliki ganjaran yang besar berupa pahala dan

²⁸ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Surah al-Baqarah, h. 34.

²⁹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Surah al-Nisa', h. 90.

kemenangan.³⁰ Kemenangan tersebut adalah ketenangan serta ganjaran syurga.

Seterusnya di dalam aspek dakwah serta memberi ketakutan kepada musuh dan meruntuhkan sistem kekufuran³¹, Allah menyatakan di dalam firman-Nya :

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنْ آنْتَهُوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا
عَلَى الظَّالِمِينَ

Terjemahan:

“Dan perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah dan sehingga agama (ketaatan) itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti (daripada memusuhi kamu) maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang yang zalim.”³²

(Surah al-Baqarah (2): 193)

Di samping itu juga, terdapat sabda Baginda S.A.W.:³³

" الجهاد واجب عليكم مع كل أمير برا كان أو فاجرا "

Terjemahan:

“Jihad itu wajib ke atas kamu bersama dengan setiap pemimpin, sama ada yang taat atau yang jahat”.

(Riwayat Abu Daud, Abu Ya'la daripada Abu Hurairah)

Disamping hadis Nabi s.a.w tersebut, di dalam Islam, matlamat peperangan

³⁰ Mustafa As-Sibaie, *op.cit.*, h.150

³¹ Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah (1994), *Zaadul Ma'ad fi Huda Khairil 'Ibad*, ter. Muasasah ar-Risalah dan Maktabah al-Manar al-Islamiyyah, Kuwait.

³² Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Baqarah*, h. 30.

³³ Ibnu Rajab al-Hanbali, *Fath al-Bari Li Ibni Rejab*, Kitab Solat, juz. 5, h. 99.

menurut pandangan Ibnu al-Qayyim al-Jauzi³⁴ adalah sebagai membalas serangan musuh, membantu orang-orang Muslimin yang lemahatau yang dizalimi serta menghukum perosak agama dan masyarakat Islam,

b. Jenis Atau Bentuknya.

Qitāl atau peperangan kaum Muslimin jika dilihat dari sudut sifatnya dapat dibahagikan kepada dua jenis atau bentuk:

1. Perang Ofensif (*Qitāl Ibtidal*)

Perang ofensif adalah peperangan kaum Muslimin secara serangan musuh, bukan kerana diserang oleh musuh terlebih dahulu. Ia juga dikenali sebagai marhalah *al-Hujum* (melancarkan serangan) sebagaimana yang berlaku selepas peperangan Ahzab sehinggalah kepada peperangan Hunain.³⁵ Di dalam marhalah ini Rasulullah telah menyiapkan pelbagai kelengkapan dan persediaan bagi menghadapi musuh supaya musuh tidak berani lagi menyerang Negara Madinah.³⁶

2. Perang Difensif (*Qitāl Difa'ie*)

Manakala perang berbentuk difensif adalah perang kaum Muslimin untuk melawan musuh kerana diserang terlebih dahulu. Keadaan ini telah mengambil tempoh masa selama empat tahun bermula tahun awal penghijrahan Baginda dan Sahabat.³⁷ Dalam tempoh ini system pertahanan telah diperkuatkan bagi mengelak serangan dan pencerobohan orang kafir dan juga dari kegiatan subversive dan pengkhianatan orang-

³⁴ Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit.*

³⁵ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.35.

³⁶ Abdul Hadi Awang (1992), *Fiqh al-Harakah*, Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar Sdn Bhd.

³⁷ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.34

orang Yahudi dan Munafik dan bukan didorong atas semangat suka berperang.³⁸

Dalam hal ini, seluruh rakyat negara Islam wajib terlibat dalam peperangan, sama ada lelaki atau perempuan. Ini kerana, hukumnya mengikut kepada peribadi masing-masing. Imam Nawawi telah menerangkan: *Jihād* (berperang) pada zaman Rasulullah S.A.W. adalah *Fardu Kifāyah* dan ada juga yang mengatakan hukumnya ialah *Fardu 'Ain*. Manakala selepas zaman Rasulullah s.a.w., memerangi orang-orang kafir itu ada dua jenis³⁹:

a. *Fardu Kifāyah*. Jika memerangi orang-orang kafir yang berada di dalam negeri mereka (setelah disampaikan kepada mereka seruan-seruan agama Islam, sedang mereka enggan menerimanya selepas itu dan enggan pula membayar *jizyah*).

b. *Fardu 'Ain*. Jika orang-orang kafir itu datang menyerang ke dalam negeri-negeri Islam. Pada ketika itu wajib ke atas setiap penduduknya mempertahankan negeri mereka dengan segala yang terdaya dan apa sahaja persediaan yang ada sekalipun mereka terdiri daripada orang-orang fakir miskin, budak-budak kecil, orang-orang berhutang dan hamba abdi.

Sedangkan yang dimaksudkan dengan *wājib kifāyah* atau *fardu kifāyah* adalah fardu yang diwajibkan ke atas seluruh kaum Muslimin, namun apabila telah ditunaikan oleh sebahagian mereka maka, sebahagian yang lain tetap gugur (kewajipan daripada mereka). Tetapi, ketentuan gugur atau tidaknya dosa kaum Muslimin bukan ditentukan oleh: “*Apakah fardu tersebut telah dilaksanakan atau belum*”, tetapi ditentukan

³⁸ Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti, (Jilid 2) *op.cit.*, h.315.

³⁹ Mahyuddin Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *al-Manhaj*.

oleh, “selesai atau sempurna atau belumnya fardu itu”. Maka, jika penglibatan sebahagian kaum Muslimin ternyata belum menyelesaikan fardu tersebut maka, semua kaum Muslimin masih menanggung dosa.

Oleh kerana itulah Imam as-Syatibi menerangkan bahawa *jihād* (berperang di jalan Allah) adalah kewajipan seluruh kaum Muslimin mengikut kemampuan masing-masing. Ini kerana, melaksanakan *Fardu Jihād* ini seperti melaksanakan kemaslahatan am. Kaum Muslimin semuanya secara am diperintahkan untuk menunaikannya. Ada yang mampu secara langsung untuk menunaikannya iaitu orang yang mempunyai syarat untuk itu, sedangkan yang lain, meskipun tidak mampu akan tetapi mereka mampu mengusahakan orang lain yang mampu. Jadi, orang yang mampu wajib melaksanakan fardu tersebut secara langsung. Sedang yang tidak mampu, wajib mengusahakan adanya orang yang mampu. Ini kerana, adanya orang yang mampu tidak akan pernah dapat melakukannya kecuali diusahakan.⁴⁰

2.2 MATLAMAT PEPERANGAN RASULULLAH S.A.W.

Rasulullah S.A.W. telah melakukan banyak perubahan terhadap budaya peperangan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Arab mahupun bangsa-bangsa yang lain sebelum kedatangan Islam. Perubahan yang paling asas ialah terhadap matlamat atau tujuan peperangan itu sendiri. Kebanyakan bangsa dan masyarakat di dunia ini berperang kerana mengejar matlamat yang bersifat keduniaan. Orang-orang Arab *Jahiliyyah* pra-Islam selalu berperang semata-mata untuk mencari nama dan kemegahan bagi kaum atau kabilah masing-masing.

Di Eropah, pada Zaman Rom khususnya Zaman Republik, peperangan bertujuan

⁴⁰ Ahmad Adnan Fadzil (2001), *Jihad Peperangan Rasulullah*, h. 29, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada Sdn Bhd.

untuk meluaskan wilayah. Pada abad ke 9 Masihi hingga ke 13 Masihi, Feudalisme menjadi asas untuk raja-raja Eropah Barat mengumpul bala tentera. Peperangan pada zaman ini adalah untuk menguasai wilayah-wilayah yang terletak di bawah kekuasaan golongan bangsawan lain. Pada Zaman Eropah Moden, pembentukan negara-negara bangsa ekoran *Renaissance* dan Reformasi menyaksikan semangat kebangsaan menjadi tujuan utama peperangan di kalangan negara-negara untuk bersaing bagi mengukuhkan kedudukan dan supremasi negara masing-masing.⁴¹

Rasulullah S.A.W. dalam *jihād qitāl*, tidak pernah meletakkan matlamat keduniaan sama ada untuk diri atau puak (seperti mencari nama dan kemegahan, menindas dan menakluki bangsa yang lain, merampas dan merebut kekayaan hasil bumi atau sebagainya sebagai asas untuk mencetuskan peperangan. Matlamat peperangan Baginda S.A.W. ialah *Fi Sabilillah* ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T.:

الَّذِينَ آمَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ
الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

Terjemahan:

“Orang yang beriman berperang pada jalan Allah dan orang kafir pula berperang di jalan taghut (syaitan)”⁴²

(Surah *al-Nisa'* (4): 76)

Kerana itulah Baginda S.A.W. seringkali menyeru para tentera atau mujahid Islam di kalangan para sahabat supaya mensucikan niat mereka dalam jihad iaitu berjihad semata-mata kerana Allah S.W.T. bukan kerana ingin mendapatkan harta

⁴¹*Ibid.*, h.195.

⁴²Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Nisa'*, h. 91.

rampasan perang, nama, kemegahan atau kepentingan duniawi yang lain.⁴³ Pernah seorang lelaki datang kepada Rasulullah S.A.W. lalu bertanya:

“Bagaimana pendapatmu tentang seseorang yang berperang kerana hendak mencari pahala dan juga supaya namanya dikenang, apakah yang ia perolehi? Jawab Baginda: Tidak ada apa-apa ganjaran pun baginya. Lelaki ini mengulangi pertanyaannya sampai tiga kali, namun Baginda tetap menjawab: Tidak ada apa-apa ganjaran baginya”.

Kemudian Baginda S.A.W. bersabda⁴⁴:

إن الله لا يقبل من العمل إلا ما كان له خالصا وابتغى به وجهه

Terjemahan:

*“Sesungguhnya Allah tidak akan menerima sesuatu amal melainkan yang diikhlasakan kerana-Nya dan semata-mata mencari reda-Nya dengan amalan itu”.*⁴⁵

(Riwayat Ahmad dan Nasaie daripada Abu Umaamah.)

Imam al-Nawawi turut menyokong keikhlasan niat di dalam setiap perbuatan apabila menyatakan bahawa. Amal yang ikhlas dieertikan oleh beliau sebagai amal yang diqasatkan (maksudkan) kepada Allah dan tidak yang lainnya.⁴⁶

2.2.1 Peperangan Dalam Islam

Peperangan di dalam Islam adalah jihad. Bahkan ia seperti yang dijelaskan tadi merupakan jihad dengan pengertian khusus yang diistilahkan sebagai *Qitāl Fi Sabilillah* iaitu berperang di jalan Allah. Dari segi syarak, ia bermaksud: “Menggunakan semaksimanya segala kekuatan, kuasa dan upaya yang ada serta menanggung

⁴³ Mahyuddin Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *Matan al-Arbain*, ter. Mustafa Abdul Rahman, (1989), *Hadith Empat Puluh, Terjemahan dan syarahnya*, h.55, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar Sdn Bhd.

⁴⁴ Ibni Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari*, juz. 8, h. 406.

⁴⁵ Imam Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syaukani(2000), *Nail al-Autar, syarah muntaqa al-Akbar*. Dar Al-Kitab Al-Arabi

⁴⁶ Mahyuddin Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *Matan al-Arbain*, ter. Mustafa Abdul Rahman, *op.cit.*, h.64.

kepayahan, kesukaran untuk memerangi musuh dan menangkis serangannya”.⁴⁷

Dalam perbincangan ahli-ahli fekah mengenai jihad, kita dapati dalam waktu yang sama, mereka menggunakan kalimah *qitāl* (perang) yang menjadi seolah-olah jihad dan *qitāl* itu mempunyai makna yang serupa. Jadi dalam konteks peperangan Islam, jihad dan *qitāl* tidak berbeza. Kita boleh sebutkan jihad dan boleh juga kita sebutkan *qitāl* (perang). Walau bagaimanapun, jihad dan perang di dalam Islam tetap berlainan dengan “perang” dalam konsep peperangan biasa iaitu yang bukan Islam.⁴⁸

2.2.2 Matlamat Peperangan Dalam Islam

Matlamat utama disyariatkan peperangan atau *jihād qitāl* oleh Allah S.W.T. ke atas kaum Muslimin adalah untuk meruntuhkan sistem kekufuran di atas muka bumi, menegakkan *ubudiyah* hanya untuk Allah S.W.T. semata-mata dan menzahirkan keagungan. Hal ini dapat difahami daripada dalam firman Allah S.W.T.:

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ
إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ

Terjemahan:

“Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah dan sehingga agama (ketaatan) itu semata-mata kerana Allah”.

(Surah *al-Baqarah* (2):193)

Maksud “*Fitnah*” dalam ayat di atas ialah kufur dan syirik. Inilah pendapat Ibnu

⁴⁷ Sayyid Sabiq (1990), *Fiqh Al-Sunnah, bab Jihad*, Kuala Lumpur: Victory Agencie.

⁴⁸ Md Akhir Yaakob (1986), *Jihad: Kaedah dan Perlaksanaannya*, h.7, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar Sdn Bhd.

‘Abbas, Qatadah, Mujahid dan Rabi’. Imam Jassas dalam kitab *Ahkāmul al-Qurān* ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan: “*Wajib memerangi orang-orang kafir sehingga mereka meninggalkan kekufuran*”. Adapun “*al-Din*” bermaksud tunduk patuh kepada Allah dengan mentaati-Nya. *Al-Din* disisi Allah S.W.T. hanya satu sahaja iaitu Islam.⁴⁹

Islam tidak sekali-kali bermaksud untuk memaksa manusia supaya menganut Islam melalui peperangannya. Apa yang menjadi matlamat Islam ialah meruntuhkan sistem-sistem dan pemerintahan yang berdasarkan pengabdian manusia kepada manusia yang menghalang mereka dari menikmati kebebasan untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. semata-mata dan menganut agama yang sebenar daripada-Nya. Matlamat inilah yang telah dinyatakan oleh Ruba’ie bin Amir seorang panglima tentera Islam ketika ditanya oleh Panglima Tentera Parsi (dalam peperangan Al-Qadisiyyah) bernama Rustum, “*Apakah tujuan kamu ke mari?. Jawapan Ruba’ie ialah:*

“Kami merupakan satu kaum yang diutuskan Allah untuk mengeluarkan sesiapa yang mahu dari memperhambakan diri kepada manusia kepada memperhambakan diri kepada Allah Yang Esa, mengeluarkan manusia dari kesempitan dunia kepada keluasan akhirat, mengeluarkan manusia dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam. Allah telah mengutuskan Rasul-Nya untuk tujuan ini supaya Rasul itu mengajar makhluk-Nya dengan agama-Nya. Sesiapa yang menerima cara hidup ini maka kami akan kembali dan memulangkan kembali negeri-negeri kepadanya. Tetapi sesiapa yang enggan maka kami akan terus memeranginya sehingga kami syahid ataupun menang”.

Sesudah manusia dibebaskan dari sistem-sistem dan pemerintahan kufur yang

⁴⁹ Hafiz Abdurrahman (2000), *Islam: Politik dan Spiritual*, Singapura: Lisan ul-Haq, h.238, Abdul Karim Zaidan (1999), *Usul Dakwah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.275-276, Md Akhir Yaakob (1986), *Op.cit.*, Bab 3.

mengongkong mereka itu, mereka diberi kebebasan untuk memilih akidah yang mereka suka. Mereka boleh menggunakan pilihan mereka sendiri yang bersih sesudah dibuang tekanan politik ke atas mereka dan sesudah diberi penjelasan yang menyinari roh dan akal mereka. Inilah matlamat utama *jihad qitāl* dalam Islam. Di samping itu, *jihād qitāl* juga disyariatkan untuk tujuan-tujuan seperti berikut:

a. Membalas Serangan Musuh.

Dalam hal ini, Allah S.W.T. berfirman:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتَلُونَكُم مَّا تَعْتَدُونَ وَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

Terjemahan:

“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas (dengan memulakan peperangan)) kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas”.⁵⁰

(Surah *al-Baqarah* (2):190)

b. Membantu Kaum Muslimin

Dalam hal ini, Allah S.W.T. juga telah berfirman:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ
وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ

⁵⁰ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Baqarah*, h. 29.

أَهْلُهَا وَأَجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَأَجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Terjemahan:

“Mengapa kamu tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang yang tertindas daripada kaum lelaki, wanita dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa) dengan berkata: “Wahai Tuhan kami!, keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) bersikap zalim dan berilah kami seorang pelindung (yang mengatur urusan kami) dari pihak-Mu dan berikanlah kami seorang pembela (yang mempertahankan kami) dari pihak-Mu”.⁵¹

(Surah al-Nisa' (4):75)

c. Menghukum

Islam membenarkan kerajaan Islam memerangi orang-orang yang merosakkan Islam dan merosakkan masyarakat Islam. Mereka termasuklah:

- (1) Golongan Murtad (termasuk yang mengingkari kewajipan zakat dan mana-mana kewajipan yang lain).⁵²
- (2) Golongan *Bughāh* (pemberontak yang menentang kerajaan Islam yang adil dan sah).⁵³
- (3) Perompak dan lanun (*Qutā'al-Tariq*).
- (4) Negeri-negeri yang melanggar syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui dengan kerajaan Islam, perkara ini disebutkan di dalam Firman Allah s.w.t tersebut :

⁵¹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Nisa'*, h. 91.

⁵² Abdul Latip Talib (2010), *Umar al-Khattab, Reformis Dunia Islam*, h.173-180, Kuala Lumpur, PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

⁵³ *Ibid*, h.174.

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِن بَغَت إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبَغَى حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِن فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan:

“Jika dua pihak daripada orang yang beriman berperang, maka damaikanlah antara kedua-duanya. Tetapi jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka perangilah puak yang zalim itu sehingga dia kembali mematuhi perintah Allah. Jika dia kembali patuh maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah (dalam segala perkara). Sesungguhnya Allah mencintai orang yang berlaku adil”.⁵⁴

(Surah al-Hujurat (49): 9)

2.3 PERSEDIAAN DAN PERSIAPAN KETENTERAAN RASULULAH

S.A.W.

Membuat persiapan untuk menghadapi musuh di medan peperangan adalah suatu kewajipan syarak. Di antara dalil kewajipan ini ialah seperti firman Allah S.W.T.:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ
 بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ
 يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا
 تُظْلَمُونَ

⁵⁴ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Surah al-Hujurat, h. 528.

Terjemahan:

*“Dan bersedialah untuk menghadapi mereka (musuh-musuh Islam) dengan segala jenis kekuatan yang termampu, daripada kuda-kuda perang yang ditambah untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya sedang Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dizalimi”.*⁵⁵

(Surah *al-Anfal* (8): 60)

Difahami dengan jelas dari ayat ini bahawa Islam memerintahkan supaya dibuat persediaan dengan segala bentuk kekuatan dan dengan pasukan-pasukan penggempur (zaman dahulunya merupakan pasukan berkuda) untuk berhadapan dengan musuh di medan peperangan. Tahap dan kualiti persediaan ini hendaklah mencapai target yang ditetapkan dalam ayat di atas iaitu *“menggentarkan musuh Allah, musuhmu”*. Rasulullah S.A.W. amat mengambil berat mengenai persediaan ketenteraan umat Islam pada setiap masa.⁵⁶ Uqbah bin Amir menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. pernah berkhotbah, *“Bersiaplah untuk menghadapi mereka dengan sekuat tenaga yang kamu boleh”*.

Persediaan Rasulullah S.A.W. bukan sahaja menyentuh aspek luaran tetapi juga dalaman atau kejiwaan. Persediaan ini merangkumi kemantapan akidah dan kekuatan dalaman, teknologi peperangan (peralatan, persenjataan, pertahanan dan pengangkutan) serta latihan ketenteraan. Secara lebih terperinci, segala aspek persediaan Rasulullah S.A.W. untuk menghadapi peperangan dapat dipaparkan seperti berikut:

2.3.1 Persediaan Akidah dan Kekuatan Dalaman

⁵⁵ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Anfal*, h.186.

⁵⁶ Fazlur Rahman (1990), *Muhammad Panglima Tentera*, h. 87-88, Shah Alam: Penerbitan Hizbi Sdn Bhd

Kemenangan dalam sesuatu peperangan tidak semata-mata ditentukan oleh banyaknya jumlah tentera atau hebatnya persenjataan dan persediaan ketenteraan, tetapi ia lebih ditentukan oleh kekuatan rohani dan kejituan semangat dalaman setiap anggota tentera.⁵⁷ Kerana itulah, sebelum terjun ke medan peperangan atau terlibat dengan *jihād qital*, Rasulullah S.A.W. telah mendidik para sahabat dengan aqidah yang kukuh iaitu iman yang sebenarnya kepada Allah S.W.T. dan kecintaan yang tinggi kepada agamanya serta tidak menghiraukan celaan kaum kafir⁵⁸, sehingga lahir satu generasi yang bersedia menerima apa sahaja perintah untuk dilaksanakan, sedia berkorban di jalan Allah S.W.T. sama ada menang atau syahid dan bersedia untuk mengisi kemenangan tersebut dengan perintah Allah S.W.T.

Segalanya dilakukan demi kerana cintakan mati secara mulia untuk menemui Allah S.W.T. Rasulullah S.A.W. memerintahkan supaya mereka yang berjihad mempunyai niat yang ikhlas menepati akidahnya. Niat jihad mereka mestilah kerana Allah S.W.T., berjihad bagi menegakkan kalimah Allah S.W.T. bukan kerana dunia seperti menunjuk-nunjuk, tamakkan harta rampasan perang, sikap *asabiyah* dan sebagainya. Baginda S.A.W seringkali berpesan kepada mereka sebelum berlepas ke medan pertempuran.⁵⁹

أغزوا بسم الله, فى سبيل الله, قاتوا من كفر بالله...

Terjemahan:

“Berperangilah dengan nama Allah, di jalan Allah, perangilah orang-orang yang kufur kepada Allah...”⁶⁰

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Muslim, Ibnu Majah dan Tirmizi daripada Sulaiman b. Buraidah ra.)

⁵⁷ Dr Majid Irsan Kaylani (2009), *Kebangkitan Generasi Salahuddin dan Kembalinya al-Aqsa ke Pangkuan Islam*, h.1, International Institute of Islamic Thought Malaysia.

⁵⁸ Said Hawwa (2003), *Jundullah tsaqafatan wa akhlaqan*, h.6, Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Fajar Sdn Bhd.

⁵⁹ *Syarah Ibnu Batal*, Bab kelima, juz. 9, h. 263.

⁶⁰ Imam Muhammad bin Ali bin Muhammad al-Syaukani, *op.cit*

Rasulullah S.A.W. juga memberi motivasi kepada para sahabat untuk meningkatkan kekuatan dalaman mereka iaitu keazaman dan keyakinan diri serta iman mereka yang menyala⁶¹ untuk berhadapan dengan musuh-musuh walaupun yang jauh lebih besar bilangan dan kekuatannya daripada mereka. Melalui ayat-ayat al-Quran dan sabda-sabda Baginda S.A.W. (hadis), Rasulullah S.A.W. banyak menceritakan kepada mereka tentang kelebihan jihad, kelebihan mengawal kubu pertahanan di medan perang, kelebihan mati syahid dan sebagainya sehinggakan mereka begitu gembira apabila diajak dan ditawarkan untuk berperang di jalan Allah. Dengan motivasi dan semangat yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W. ini, para sahabat berlumba-lumba untuk berperang membela Islam sehingga mereka yang tidak sepatutnya menjalankan tugas yang berat ini seperti kanak-kanak, golongan yang uzur, sakit dan tua serta kaum wanita juga menyatakan keinginan untuk menyertai pasukan jihad. Mereka begitu gembira sekiranya dapat menyertai pasukan jihad dan mati syahid adalah sesuatu yang diidamkan. Seandainya ada di kalangan ahli keluarga yang mati syahid, mereka begitu gembira kerana dapat memperolehi syafaat di hari Akhirat kelak.

Pembinaan peribadi merupakan satu amalan penting yang memerlukan usaha keras dan tekun.⁶² Kejayaan yang sebenar bagi seseorang individu bergantung kepada kecekalan dan kesungguhannya bekerja. Apa jua cara yang digunakan untuk melatih individu untuk menguatkan peribadi mereka, perlulah dilakukan secara tetap pada setiap hari. Islam telah menetapkan sembahyang harian yang mesti dilaksanakan secara tetap lima kali sehari. Pelaksanaan dengan tabah dan berterusan merupakan syarat yang penting. Tiada kaedah lain yang lebih baik atau lebih berkesan daripada sembahyang untuk membina dan membangunkan kualiti moral yang tinggi bagi setiap individu. Sembahyang yang dilakukan secara tetap dan berdisiplin membentuk kualiti yang

⁶¹ Mustafa As-Sibaie, *op.cit*, h.130.

⁶² Abu A'la Al-Maududi (1980), *Benefits of Prayer*. (Urdu). Lihat juga dalam Afzal ar-Rahman, *Muhammad As a Military Leader*, London: Muslim Schools Trust.

sangat tinggi dikenali sebagai takwa di dalam peribadi seseorang. Sebenarnya inilah peribadi Islam yang penting.

Setiap kumpulan atau masyarakat mempunyai satu sistem latihan yang tersendiri untuk para individu dan ini bergantung kepada keadaan pekerjaan yang akan dilakukan atau objektif yang mahu dicapai. Misalnya, objektif bagi perkhidmatan awam di negara-negara moden adalah untuk mengekalkan pentadbiran negara tersebut. Oleh itu, penekanan dalam semua latihan kakitangan awam adalah untuk mengukuhkan kuasa kerajaan dan untuk meningkatkan kualiti pentadbiran mereka. Begitu juga, organisasi ketenteraan melatih askar supaya ta'at setia kepada negara mereka dan supaya dapat membunuh musuh tanpa mengorbankan nyawa mereka sendiri. Jika kakitangan awam dan tentera taat kepada pemerintah dan bekerja dengan baik, mereka dianggap sebagai pekerja yang cekap serta tentera yang baik, namun ketaatan tersebut adalah kepada perkara *ma'aruf* sahaja⁶³.

Sebaliknya, matlamat Islam adalah untuk menyediakan satu kumpulan manusia yang bercita-cita melaksanakan keadilan dan kebajikan serta melindungi masyarakat yang lemah di samping menghapuskan kejahatan dan ketidakadilan⁶⁴. Setiap individu mestilah mematuhi dengan tegas peraturan kehidupan moral yang tetap dalam segala aspek sosial dan kehidupan peribadi masing-masing. Islam bererti pelaksanaan hukum Allah S.W.T. di dunia ini. Oleh itu, setiap ahli masyarakat dididik di bawah satu sistem latihan dan disiplin yang tegas. Pembinaan peribadi adalah berasaskan kepada latihan seperti ini. Ia bermula dengan beriman kepada Allah S.W.T. Setiap individu wajib beriman kepada-Nya serta taat sebagai Yang Dipertuan dan Tuhan, juga percaya bahawa setiap manusia akan bertanggungjawab dalam semua perbuatan yang telah

⁶³ Dr Yusuf al-Qaradhawi (2001), *Min Fiqh ad-Daulah lil Islam*, h.38, Kuala Lumpur, Pustaka Syuhada Sdn Bhd.

⁶⁴ *Ibid*, h.51.

dilakukan dan akan dihisab pada Hari Pembalasan. Ia akan melahirkan sifat yang ikhlas di dalam perbuatan dan ibadah.⁶⁵

Latihan seperti ini menimbulkan rasa takwa⁶⁶ kepada Allah S.W.T. di dalam diri mereka. Mereka bukan sahaja mentadbir urusan dunia, tetapi pada masa yang sama cuba untuk melaksanakan keadilan dan kebaikan di muka bumi ini. Untuk tujuan ini, mereka mestilah melalui latihan-latihan yang keras dan lasak kerana objektif mereka sangat sukar, iaitu untuk melaksanakan kebaikan, keadilan serta hukum Allah S.W.T. di muka bumi. Ia merupakan satu perjuangan yang berterusan dan para tentera Islam dilatih dengan disiplin sembahyang harian yang keras serta puasa tahunan selama sebulan sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran ini. Secara praktiknya, mereka dilatih supaya melakukan segala sesuatu dengan sedaya upaya dan mengorbankan segala-galanya demi untuk mempertahankan nyawa mereka. Nabi Muhammad S.A.W. menyediakan latihan serta disiplin yang ketat ini kepada para tentera Baginda S.A.W. supaya mereka dapat berjuang dengan seluruh kekuatan tenaga dan material untuk mempertahankan keyakinan mereka daripada musuh-musuh mereka.

2.3.2 Kekuatan Psikologi

Manusia sememangnya bersifat lebih kejiwaan daripada fizikal dan segala tindakan mereka lebih dikawal oleh faktor-faktor kejiwaan (rohani) berbanding dengan faktor-faktor fizikal. Oleh itu, langkah yang paling berkesan untuk mempengaruhi tingkah laku manusia adalah dengan mempengaruhi fikiran atau kebolehan spiritual mereka yang merupakan sumber kuasa kepada seluruh sistem manusia⁶⁷. Jika berjaya mempengaruhi fikiran seseorang individu, tentu akan dapat membentuk seluruh tingkah

⁶⁵ Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali (2007), *Ayyuhal Walad*, h.59, Pokok Sena Kedah, Khazanah Banjariah.

⁶⁶ Fathul Bari an-Nabiry (2008), *Meniti Jalan Dakwah, Bekal Perjuangan Para Da'i*, h.138, Jakarta, AMZAH Jakarta.

⁶⁷ Mustafa As-Sibaie, *op.cit*, h.131.

lakunya. Oleh yang demikian, faktor ini dapat memainkan peranan yang sangat menarik dalam menyedia dan menggerakkan faktor-faktor kemanusiaan yang merupakan kuasa dominan di medan peperangan.

Nabi Muhammad S.A.W. menggunakan faktor psikologi secara lebih berkesan dalam membina keyakinan dalam diri para pengikutnya, juga dalam memberi dorongan kepada mereka untuk mencapai hasil yang lebih baik daripada yang sepatutnya dapat dilakukan. Pertamanya, Baginda S.A.W. meyakinkan mereka serta menanamkan ke dalam hati mereka keyakinan kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa⁶⁸, kemudian menyediakan latihan-latihan yang keras kepada mereka untuk membentuk tingkah laku yang sesuai dengan iman mereka. Apabila mereka mendapat kuasa dan kekuatan melalui disiplin yang ketat, Baginda S.A.W. mengangkat mereka pada kedudukan yang tinggi dengan menyatakan bahawa mereka dipilih oleh Allah S.W.T. untuk satu tujuan yang khusus, iaitu bagi melaksanakan satu sistem yang baik dan adil serta menghapuskan kejahatan dan ketidakadilan di muka bumi, jika perlu melalui kekuatan.

Firman Allah S.W.T.:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ
مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Terjemahan:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang

⁶⁸ Mohamad Nurhakim (2008), *Jatuhnya sebuah Tamadun*, h.27, Kuala Lumpur, PTS Islamika Sdn Bhd.

*daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)...*⁶⁹

(Surah Ali- 'Imran (3): 110)

Ayat ini menerangkan kepada orang yang beriman dengan jelas bahawa mereka telah diangkat menjadi pemimpin bagi manusia. Sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk melaksanakan keadilan dan kebaikan dan seterusnya membasmi segala kejahatan serta ketidakadilan dunia ini, kemudian beriman serta patuh kepada hukum-hukum Allah S.W.T. Nabi Muhammad s.a.w telah melimpahkan di hati orang-orang Beriman yang bersama Baginda bahawa mereka di pihak yang benar. Mereka perlu menjadi guru serta pendidik yang mendidik manusia lain. Tugas membimbing dan mendidik tersebut telah diperintahkan oleh Allah kepada sekalian umat islam yang dipilih.⁷⁰

Firman Allah S.W.T.:

كَمْ مِنْ فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

Terjemahan:

*“...Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang-orang yang sabar”*⁷¹

(Surah Al-Baqarah (2):249)

Di dalam ayat di atas, Allah menegaskan bahawa kekuatan ruhani adalah segala-galanya berbanding kekuatan ketenteraan⁷². Dr Mustafa as-Sibaie menyatakan bahawa tentera yang ramai tidak akan tewas kecuali kerana aspek-aspek maknawi yang berkaitan dengan kejiwaan tentera, keimanan, kekuatan rohani, keikhlasan dan

⁶⁹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah Ali- 'Imran*, h. 64.

⁷⁰ Hassan al-Banna (2003), *Himpunan Risalah Imam Hassan al-Banna*, h.181, Kuala Lumpur, Pustaka Salam Sdn Bhd.

⁷¹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Baqarah*, h. 41.

⁷² Mustafa as-Sibai'e, *op.cit*, h.192.

pengorbanan mereka.⁷³ Seterusnya, mereka telah diberi inspirasi melalui firman Allah S.W.T.:

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ ۚ إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُونَ
صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ ۚ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ يَغْلِبُوا أَلْفًا مِّنَ الَّذِينَ
كَفَرُوا بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

Terjemahan:

“Wahai Nabi, kobarkanlah semangat orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada antara kamu dua puluh orang yang sabar nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang musuh. Jika ada antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang daripada golongan yang kafir disebabkan mereka (yang kafir itu) kaum yang tidak mengerti.”⁷⁴

(Surah al-Anfal (8): 65)

Ayat ini menekankan kelebihan orang yang beriman berbanding dengan musuh-musuh mereka kerana keyakinan mereka yang kuat beserta dengan kefahaman dan pengetahuan tentang kebenaran objektif mereka. Iman bersama-sama dengan kefahaman ini telah menambahkan kekuatan mereka berlipat ganda berbanding dengan orang kafir yang jahil. Orang yang beriman berjuang dengan penuh keyakinan dan menghapuskan *taghut* (kesesatan)⁷⁵, manakala musuh-musuh mereka berperang pada jalan yang sesat. Allah S.W.T. berfirman:

الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ
الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

⁷³ Mustafa as-Sibai'e, *op.cit*, h.156.

⁷⁴ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Anfal*, h. 187.

⁷⁵ Syed Qutb(2003), *Petunjuk sepanjang jalan*, h.54, Kuala Lumpur, Crescent News Sdn Bhd.

Terjemahan:

*“Orang yang beriman berperang pada jalan Allah dan orang yang kafir pula berperang pada jalan thaghut (syaitan). Oleh sebab itu, perangilah pengikut-pengikut syaitan itu. Sesungguhnya tipu daya syaitan itu (terhadap orang-orang beriman) adalah lemah”.*⁷⁶

(Surah *al-Nisa*’ (4):76)

Jelasnya, sesiapa yang berperang untuk sesuatu alasan yang lemah, tidak akan dapat berperang dengan bersungguh-sungguh kerana mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan peribadi⁷⁷. Manakala orang yang berperang untuk jalan Allah mempunyai segala-galanya untuk dicapai. Jika mereka memperolehi kemenangan, kemenangan itu menjadi milik mereka dan jika mereka gugur syahid, mereka akan terus masuk syurga, (Surah *al-Nisa*’ 4: 74). Selanjutnya al-Quran telah menaikkan semangat perjuangan orang yang beriman apabila Allah S.W.T. berfirman:

﴿ إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ
يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ
وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا ببيعكم الذي
بَايَعْتُمْ بِهِ ۗ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴾

Terjemahan:

“Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang beriman, jiwa dan harta benda mereka dengan memberikan syurga kepada mereka (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah, lalu ada antara mereka yang membunuh dan terbunuh. Itu sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta al-Quran. Siapakah yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu bergembiralah dengan jualan

⁷⁶ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Nisa*’, h. 91.

⁷⁷ Hassan al-Banna, *op.cit*, h.384.

yang kamu lakukan itu. Itulah kemenangan yang besar”.⁷⁸

(Surah *al-Taubah* (9):111)

Ayat ini merupakan dorongan daripada Allah S.W.T. kepada orang yang beriman. Mereka telah melakukan tawar menawar ataupun perjanjian⁷⁹ yang menguntungkan dengan Tuhan mereka. Mereka telah dijanjikan kebahagiaan hidup yang kekal sebagai pertukaran kepada pengorbanan nyawa mereka untuk jalan Allah S.W.T. Lagipun nyawa kita tetap akan berakhir pada suatu hari nanti. Oleh itu, lebih baik ia diserahkan ketika berperang pada jalan Allah S.W.T. dan sebagai pulangnya mereka mendapat kehidupan yang kekal di Syurga. Kemenangan atau sebaliknya adalah diserahkan kepada Allah s.w.t.⁸⁰ Tambahan pula Allah S.W.T. mencintai orang yang membuat persiapan secukupnya untuk peperangan dan berjuang menentang musuh-musuh mereka seakan-akan mereka itu sebuah bangunan yang tersusun kukuh. (Surah *as-Saff* 61:4). Berita dan galakan paling besar bagi orang-orang yang berjuang untuk Islam ialah jika mereka terbunuh ketika berjuang di jalan Allah S.W.T seumpama yang berlaku kepada pengikut Nabi Isa a.s.⁸¹, mereka bukanlah mati, sebaliknya tetap hidup. Firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمُوتَ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا

تَشْعُرُونَ

Terjemahan:

“Dan janganlah kamu mengatakan terhadap sesiapa yang gugur dalam perjuangan membela agama Allah itu orang mati, bahkan mereka itu hidup tetapi kamu tidak

⁷⁸ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Taubah*, h. 206.

⁷⁹ Muhammad Said Ramadhan al-Buti (Jilid 2), *op.cit.*, h.320.

⁸⁰ Syed Qutb, *op.cit.*, h.202.

⁸¹ Sa'id Hawwa, *op.cit.*, h.10.

menyedarinya (mengetahui keadaan mereka) ”.⁸²
(Surah *al-Baqarah* (2):154)

Ayat tersebut telah meniupkan semangat ke dalam jiwa orang yang beriman supaya mereka berjuang dengan semangat dan kegigihan paling tinggi serta mengorbankan kesemua yang ada pada mereka untuk mencapai gelaran syahid. Siapakah yang dapat berperang menentang para pejuang yang berperang untuk dibunuh di medan pertempuran dalam usaha untuk mencapai kehidupan kekal dengan gugur syahid?

Pejuang seperti ini telah dihasilkan daripada pendidikan Nabi Muhammad S.A.W. yang percaya bahawa mereka milik Allah S.W.T. dan pasti akan kembali kepada-Nya. (Surah *Al-Baqarah* 2:156). Keyakinan ini umpama bergantung pada tempat pijak pelana seekor kuda. Jika setiap orang akan mati dan kembali kepada Allah S.W.T. sama ada cepat atau lambat mengapa mereka tidak mahu mati untuk jalan Allah S.W.T. dengan berperang di medan pertempuran? Adalah lebih baik mati kerana berperang di jalan Allah S.W.T. dan mempertaruh nyawa kerana-Nya, daripada mati akibat daripada penyakit atau mengalami kematian yang biasa di tempat tidur. Falsafah hidup ini merupakan asas kepada semangat serta keazaman mereka untuk berperang yang telah menambahkan kekuatan mereka berkali ganda berbanding dengan musuh-musuh mereka. Keazaman dan keyakinan yang kuat ini semakin diperkuatkan oleh Rasulullah S.A.W. di dalam setiap peperangan. Tentera Islam lemah dari segi jumlah tentera dan material berbanding dengan musuh mereka. Ini akan memberi kesan kepada semangat dan keyakinan mereka untuk berperang. Mereka berada dalam keadaan seperti ini ketika menghadapi Peperangan Badar yang merupakan peperangan pertama dengan musuh mereka. Perbezaan besar ini menyebabkan pihak musuh telah menghina

⁸² Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Baqarah*, h. 24.

kekuatan tentera Islam. Mereka telah diberitahu tentang kelemahan tentera dan psikologi mereka berbanding dengan pihak musuh dengan kata-kata daripada firman Allah S.W.T.:

إِذْ يُرِيكَهُمُ اللَّهُ فِي مَنَامِكَ قَلِيلًا ۖ وَلَوْ أَرَأَيْتَهُمْ كَثِيرًا لَّفَشَلْتُمْ وَلَتَنزَعْتُمْ
فِي الْأَمْرِ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ سَلَّمَ ۗ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٤٣﴾

Terjemahan:

“(Ingatlah wahai Muhammad) ketika Allah memperlihatkan mereka kepadamu dalam mimpimu sedikit bilangannya. Sekiranya Dia memperlihatkan mereka kepada kamu ramai bilangannya tentulah kamu akan menjadi gentar dan tentulah kamu akan saling berbantah dalam urusan (perang)itu...”⁸³

(Surah al-Anfal (8):43)

Ayat ini telah memberi kekuatan kepada orang Islam dan mereka telah bergerak ke arah musuh dengan penuh keberanian. Setiap orang menyedari kepentingan hasil daripada peperangan ini. Nabi Muhammad S.A.W. benar-benar menyedari tentang situasi tentera Islam menyebabkan Baginda S.A.W. berdoa⁸⁴ kepada Allah S.W.T. pada suatu malam ketika berlangsungnya Peperangan Badar: *“Ya Allah, jika kumpulan ini binasa pada hari ini, tidak akan ada lagi orang yang menyembah-Mu sehingga Hari Akhirat”*.⁸⁵ Al-Quran merujuk janji Allah S.W.T. kepada Rasulullah S.A.W. dan bagaimana perasaan takut yang amat sangat ditanam ke dalam diri para tentera musuh, ayat Allah S.W.T.:

⁸³ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Surah al-Anfal, h. 184.

⁸⁴ Dr Muhammad Husein Haykal (Bab 13 : Perang Badr), *op.cit*, h.350.

⁸⁵ Mustafa as-Sibai'e, *op.cit*, h.86.

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنِّي مَعَكُمْ فَثَبَّتُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا سَأَلَتْنِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ فَأَضْرِبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَأَضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُّوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ وَمَن يُشَاقِقِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٣﴾

Terjemahan:

“(Ingatlah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku bersama kamu (memberi pertolongan) maka teguhkanlah (hati) orang-orang yang telah beriman. Aku kelak akan mengisi hati orang yang kafir dengan rasa gerun, maka penggallah leher mereka dan tetaklah setiap anggota mereka. (perintah) yang demikian ialah kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan Rasul-Nya...”⁸⁶

(Surah al-Anfal (8):12 – 13)

Demikianlah orang Islam telah diperkuat dengan kelebihan psikologi (iman)⁸⁷ berbanding dengan pihak musuh, di sebalik kekurangan mereka daripada segi jumlah tentera dan material. Galakan mental ini perlu untuk meningkatkan semangat perjuangan mereka. Orang yang beriman juga dinasihatkan supaya berdoa⁸⁸ ketika mereka sedang berperang dengan musuh sepertimana firman Allah S.W.T.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

Terjemahan:

“Wahai orang-orang yang beriman!, Apabila kamu memerangi sesuatu pasukan (musuh), maka hendaklah

⁸⁶ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Surah al-Anfal, h. 180.

⁸⁷ Dr Muhammad Husein Haykal (Bab 12 : Ekspedisi dan Serbuan Awal dalam Islam), *op.cit.*, h.328.

⁸⁸ Muhammad Khair Umar al-Husni (2007), *Doa dan Taubat Para Nabi di dalam Al-Quran*, h.54., Kuala Lumpur, Pustaka Dini Sdn Bhd.

kamu berteguh hati (dalam menghadapinya) dan sebutlah (nama) Allah (serta berdoa kepada-Nya) sebanyak-banyaknya supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)”.⁸⁹

(Surah *al-Anfal* (8):45)

Doa ini memberi kekuatan, kelegaan serta dorongan kepada orang yang beriman yang berada di dalam kesukaran. Dengan berita bahawa kemenangan menjadi milik mereka dan para malaikat Allah S.W.T. sedang berperang menentang musuh bersama-sama dengan mereka, orang-orang yang beriman turun ke medan pertempuran dan pada masa yang sangat singkat mengasak musuh yang berundur kerana kekalahan. Sekali lagi, dalam Peperangan Uhud⁹⁰, jumlah tentera Islam yang sedikit dan dengan kelengkapan serba kekurangan telah menentang musuh yang ramai dan kuat serta memiliki kelengkapan yang cukup.⁹¹ Di dalam keadaan seperti ini, Rasulullah S.A.W. membina keyakinan di dalam diri orang Islam dengan baik bahawa mereka akan mendapat bantuan daripada Allah S.W.T., ayat Allah S.W.T.:

إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمَدِّدَ كُمْ رَبُّكُمْ بِثَلَاثَةِ أَلْفٍ مِّنَ
 الْمَلَائِكَةِ مُنزَلِينَ ﴿١٢٤﴾ بَلَىٰ إِنَّ تَصَبِرُوا وَتَتَّقُوا وَيَأْتُوكُم مِّن فَوْرِهِمْ هَذَا
 يُمَدِّدْكُمْ رَبُّكُمْ بِخَمْسَةِ أَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُسَوِّمِينَ ﴿١٢٥﴾ وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ
 إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُم بِهِ ۗ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ
 الْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾

Terjemahan:

“(Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang beriman (untuk menguatkan semangat

⁸⁹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah al-Anfal*, h. 184.

⁹⁰ Mustafa as-Sibai'e, *op.cit.*, h.88.

⁹¹ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.57

mereka), “*Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera daripada malaikat yang diturunkan?*”. Bahkan mencukupi. Jika kamu bersabar dan bertakwa dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta merta, nescaya Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang memakai tanda. Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan sebagai khabar gembira kepada kamu supaya hati kamu tenteram dengan bantuan itu. (Ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya daripada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.⁹²

(Surah Ali-‘Imran (3):124-126)

Dalam ayat-ayat ini, berita yang menggalakkan telah disampaikan kepada orang Islam supaya membangunkan semangat serta keyakinan mereka supaya mereka tidak berasa gentar apabila melihat kehebatan musuh. Mereka diberitahu supaya yakin kepada Allah S.W.T. dan berusaha keras menentang pihak musuh, kemudian pasti mereka akan mendapat pertolongan daripada Allah S.W.T. dengan kemenangan berada di pihak mereka. Pihak musuh menghadapi serangan yang terbuka, tetapi sebahagian daripada pemanah-pemanah Islam telah ingkar kepada pemimpin mereka, menyebabkan mereka terpaksa menanggung akibatnya.

Dalam Peperangan Ahzab⁹³, sekali lagi jumlah tentera musuh mengatasi jumlah orang Islam dengan nisbah empat orang musuh satu orang Islam.⁹⁴ Ramai di antara mereka yang terkejut apabila mendapati diri mereka dikelilingi oleh musuh dari semua sudut.⁹⁵ Al-Quran merujuk kepada tingkat psikologi orang yang beriman dengan firman Allah S.W.T.:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ اِذْ جَاءَتْكُمْ جُنُودٌ فَاَرْسَلْنَا عَلَيْهِم

⁹² Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah Ali-‘Imran*, h. 66.

⁹³ Mustafa as-Sibai’e, *op.cit.*, h.97.

⁹⁴ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.71

⁹⁵ Dr Muhammad Husein Haykal (Bab 18 : Perang Khandaq dan Banu Qurayzah), *op.cit.*, h.467.

رَيْحًا وَجُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا ۚ وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿١٠﴾ إِذْ جَاءُوكُم مِّن
فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ الْأَبْصَارُ وَبَلَغَتِ الْقُلُوبُ الْحَنَاجِرَ
وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونًا ﴿١١﴾ هُنَالِكَ ابْتُلِيَ الْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا زِلْزَالًا شَدِيدًا



Terjemahan:

*“Wahai orang-orang yang beriman, kenangkanlah nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (al-Ahzab), lalu kami hantarkan kepada mereka angin ribut serta angkatan tentera (daripada malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. (Ingatlah) Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan. (Iaitu) ketika tentera musuh datang menyerang kamu dari sebelah atas dan dari sebelah bawah (tempat pertahanan) kamu dan pada ketika pandangan mata kamu tidak berketentuan arah (kerana gempar dan bingung) serta hatipun resah gelisah dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah dengan berbagai-bagai sangkaan (adakah mendapat pertolongan atau tidak). Pada saat itulah diuji orang-orang yang beriman dan digoncangkan perasaan dan pendiriannya dengan goncangan yang amat dahsyat”.*⁹⁶

(Surah al-Ahzab (33):9 – 11)

Itulah gambaran tingkat pemikiran orang Islam yang sebenar dalam keadaan tersebut. Tetapi dengan berita yang menggalakkan tentang pertolongan Allah S.W.T. serta-merta hati mereka berubah menjadi tabah dan yakin. Rasulullah S.A.W. berupaya mengekalkan semangat perjuangan para pengikut Baginda S.A.W. pada masa mereka dikepung. Baginda S.A.W. menanamkan keyakinan ke dalam hati mereka, memperkuat semangat dan perhitungan mereka untuk menghadapi kesukaran dengan cecal dan tabah. Kemudian datanglah pertolongan Allah S.W.T. setelah mereka diuji selama beberapa ketika.

⁹⁶ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Surah al-Ahzab, h. 428.

Di dalam Peperangan Hunain⁹⁷, jumlah tentera Islam sangat ramai beserta dengan kelengkapan yang cukup menjadikan sebahagian daripada mereka berasa bangga⁹⁸. Malah seorang daripada mereka telah berkata: “*Kita tidak akan kalah pada hari ini kerana jumlah kita yang ramai*”. Tetapi kekuatan dari segi jumlah tentera dan kelengkapan perang tidak dapat melindungi mereka apabila pihak musuh telah menghujani mereka dengan anak-anak panah⁹⁹, menyebabkan mereka melarikan diri.¹⁰⁰ Sekali lagi, pertolongan Allah S.W.T. telah mendorong para tentera yang kalah itu untuk berkumpul dan mengatur semula serangan ke atas musuh. Firman Allah S.W.T.:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ
كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا
رَحَبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُمْ مُدْبِرِينَ ﴿٥٠﴾ ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ
وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا
وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٥١﴾

Terjemahan:

“Sesungguhnya Allah telah menolong mencapai kemenangan dalam banyak peperangan, namun begitu (kamu tewas) di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai, maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu, kemudian kamu berpaling undur melarikan diri. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada Rasul-Nya dan kepada orang yang beriman dan Allah menurunkan tentera yang kamu tidak melihatnya serta Dia menyeksa orang kafir itu

⁹⁷ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.114

⁹⁸ Mustafa as-Sibai'e, *op.cit.*, h.117

⁹⁹ Muhammad Said Ramadhan al-Buti (Jilid 2), *op.cit.*, h.600.

¹⁰⁰ Dr Muhammad Husein Haykal (Bab 25 : Hunayn dan Taif), *op.cit.*, h.642.

(dengan kekalahan yang membawa kehancuran) dan yang demikian itu ialah balasan bagi orang yang kafir”.¹⁰¹
(Surah *at-Taubah* (9): 25 – 26)

Demikianlah, hanya pertolongan Allah S.W.T. sahajalah yang dapat menaikkan semangat mereka yang lemah dan membolehkan mereka kembali berperang untuk mengalahkan musuh. Doa Rasulullah S.A.W. merupakan satu sumber kekuatan dan ketenangan kepada para pengikut Baginda S.A.W. di medan pertempuran. Doa tersebut juga telah mengangkat jiwa dan semangat mereka, seterusnya menambahkan kekuatan mereka untuk menghadapi kesukaran di dalam pertempuran. Ia membawa pertolongan Allah lebih dekat kepada kemenangan.¹⁰² Orang Islam telah merasai berkali-kali bagaimana keyakinan mereka dibangkitkan disebalik jumlah mereka yang kecil dan kelengkapan mereka yang serba kekurangan, melalui contoh-contoh dorongan dan ajaran Allah S.W.T. yang disampaikan oleh Rasulullah S.A.W. Bagaimanakah doa Baginda S.A.W. di dalam keadaan tegang dan sukar di medan pertempuran dapat memberi keselesaan, ketenangan, galakan dan kekuatan semangat serta perhitungan kepada pengikutnya untuk berjuang tanpa mengira akibat yang akan dirasai. Nabi Muhammad S.A.W. menggunakan secara efektif kesemua bentuk persediaan psikologi para pengikut Baginda S.A.W. untuk berperang.

Baginda S.A.W. mendorong hati dan jiwa mereka dengan pendidikan moral yang sangat tegas serta menggunakan bentuk latihan yang realistik (ibadah) untuk melatih mereka supaya berdisiplin, mengikut peraturan, bekerjasama dan berkorban. Latihan seperti ini membolehkan mereka berusaha sehingga kepada tenaga dan keupayaan paling tinggi untuk mencapai objektif mereka, tanpa mengharapkan sebarang keistimewaan atau balasan untuk diri mereka sendiri selain untuk mencapai keredaan

¹⁰¹ Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *Surah at-Taubah*, h. 192.

¹⁰² Muhammad Said Ramadhan al-Buti (Jilid 2), *op.cit*, h.601.

Allah S.W.T. Mereka dilatih untuk mempertahankan keyakinan mereka dan berjuang di jalan Allah S.W.T. Oleh itu, mereka berusaha keras untuk menaikkan nama Allah S.W.T.

Oleh kerana matlamat mereka jelas dan benar serta tempat yang terakhir bagi mereka telah ditentukan, mereka telah mengorbankan kesemuanya biarpun nyawa mereka sendiri dengan gembira dan rela hati untuk mencapainya. Inilah ketakjuban latihan dan pendidikan yang diberi oleh Nabi Muhammad S.A.W. Orang yang miskin dan hina telah berjaya mengalahkan tentera musuh yang gagah serta menghapuskan seluruh tentangan mereka kepada agama Islam, sehingga cara hidup yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. telah dapat dilaksanakan di seluruh bumi Arab.

2.3.3 Persediaan Teknologi Peperangan

Teknologi peperangan¹⁰³ merujuk kepada ke semua senjata, kelengkapan dan kenderaan yang digunakan tentera untuk tujuan bertempur. Dalam peperangan zaman moden hari ini, teknologi peperangan boleh dibahagikan kepada lima kategori.¹⁰⁴

- a. Senjata ofensif untuk menakutkan musuh.
- b. Senjata defensif untuk mengelak ancaman ofensif.
- c. Teknologi pengangkutan untuk memindahkan tentera dan senjata.
- d. Komunikasi yang mengkoordinasi pergerakan tentera.
- e. Radar yang akan mengesan angkatan tentera.

Perbicaraan kita mengenai teknologi peperangan Rasulullah S.A.W. dalam bab ini bukan bermaksud bahawa Rasulullah S.A.W. memiliki alat-alat kelengkapan perang

¹⁰³ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.131

¹⁰⁴ Sivahandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan (1995), *Tamadun Dunia*, h.247. Shah Alam: Fajar Bakti,

yang canggih dan sofistikated seumpama hari ini. Tujuan kita ialah untuk memperlihatkan keperihatinan dan kesungguhan Baginda S.A.W. dalam memperlengkapkan angkatan tentera Islam dengan alat-alat kelengkapan perang¹⁰⁵ yang terbaik mengikut tahap teknologi dan kemudahan pada zamannya sebagai salah satu syarat untuk mereka mencapai kejayaan dalam peperangan. Ia memberi pengajaran kepada umat Islam pada mana-mana zaman untuk mencontohi Baginda S.A.W. dalam membuat persediaan teknologi ketenteraan yang terbaik bagi mempertahankan negara dari ancaman musuh luarannya.

2.3.4 Langkah Dan Tindakan Rasulullah S.A.W.

Rasulullah S.A.W. telah mengambil setiap langkah yang mungkin bersesuaian dengan zamannya untuk meningkatkan teknologi peperangan yang dimiliki oleh Angkatan Tentera Islam dari masa ke masa. Antara langkah yang telah diambil oleh Baginda S.A.W. ialah:

a. Mempelajari Teknologi Peperangan Asing.

Pasukan Tentera Islam pada peringkat awalnya tidak memiliki alat-alat peperangan untuk memecahkan kota dan tembok atau pagar. Alat-alat ini hanya dipunyai oleh angkatan tentera negara-negara besar ketika itu iaitu Rom dan Parsi. Maka, Rasulullah S.A.W. telah bertindak menghantar satu utusan terdiri dari dua orang sahabat iaitu `Urwah bin Mas'ud dan Ghailan bin Salamah pergi ke Jarasy (satu bandar di Damsyik di bawah jajahan Baizantin, Rom) untuk mempelajari cara-cara pembuatan *manjaniq* dan *dabbābah*.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Mahayudin Yahaya, *Tamadun Islam*, h.228.

¹⁰⁶ Muhammad Jamaludin Mahfuz (1985), *Al-'Askariyyah al-Islamiyyah: Nahdatuna al-Hadariyyah*, Makkah: Idarat al-

b. Memperuntukan Perbelanjaan¹⁰⁷

Imam Tirmizi meriwayatkan daripada Umar al-Khattab bahawa harta-harta Bani Nadhir yang dirampas oleh kaum Muslimin tanpa melalui peperangan (iaitu *harta fai*) telah diserahkan kepada Rasulullah S.A.W. daripadanya untuk nafkah keluarganya bagi tempoh setahun dan selebihnya untuk kuda dan alat-alat senjata sebagai persediaan *fi sabilillah*.

c. Menggalakkan Infaq

Di samping itu, Rasulullah S.A.W. juga membuka peluang kepada sahabat-sahabat Baginda S.A.W. bagi golongan berada untuk memberi *infāq fi sabilillah* bagi membiayai persiapan dan alat kelengkapan perang. Diriwayatkan bahawa dalam peperangan Tabuk, Saidina Uthman menginfakkan 900 ekor unta, 100 ekor kuda dan 1000 dinar, Abdur Rahman bin Auf menginfakkan 200 *uqiyah* perak, Saidina Abu Bakar menginfakkan seluruh hartanya iaitu 4000 dirham dan Saidina Umar menginfakkan separuh dari hartanya. Selain itu juga, ramai di kalangan para sahabat yang menginfakkan harta benda mereka termasuklah wanita-wanita yang datang kepada Rasulullah S.A.W. membawa barang-barang perhiasan mereka seperti rantai, anting-anting, gelang dan sebagainya untuk diinfakkan di jalan Allah S.W.T.¹⁰⁸

2.3.5 Latihan Ketenteraan

Di medan pertempuran, seorang askar yang benar-benar terlatih sudah pastinya

Sahifah Wa al- Nashr, h. 201-202.

¹⁰⁷ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.129.

¹⁰⁸ Sofiyur Rahman al-Mubarakfuri (2002), *Al-Rahiq al- Makhtum*, Riyadh: Darussalam, h. 512-513.

dengan mudah dan senang akan menguasai medan pertempuran. Rasulullah S.A.W. telah mendedahkan kepada para sahabat latihan yang mencukupi di luar dan di dalam medan peperangan dengan tujuan untuk memperlengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kecekapan ketenteraan yang diperlukan untuk membolehkan mereka bertindak dengan cekap dan berkesan ketika menghadapi musuh dan bahaya yang mengancam Islam dan negara Islam.¹⁰⁹ Latihan yang didedahkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada para sahabat merangkumi beberapa aspek seperti berikut:

a. Organisasi dan Disiplin

Organisasi dan disiplin memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan strategi peperangan dan operasi ketenteraan. Tentera yang lebih tersusun dan berdisiplin dapat memainkan peranan yang jauh lebih berkesan dan lancar di medan perang dari tentera yang kurang tersusun dan berdisiplin.

Rasulullah S.A.W. adalah pemimpin tentera¹¹⁰ pertama di dalam sejarah bangsa Arab yang melatih anggotanya dengan disiplin dan peraturan. Setiap manusia yang menyahut seruan Baginda S.A.W., maka mereka diperintahkan supaya menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan dan menyempurnakan tanggungjawab kepada Allah dan makhluknya. Ibadat-ibadat ini khususnya solat dan puasa melatih mereka berdisiplin, penguasaan diri dan ketabahan yang memungkinan mereka menanggung segala kesukaran dan kesengsaraan perang dengan sabar.

Rasulullah S.A.W. melatih dan mendisiplinkan sahabat-sahabat Baginda S.A.W. melalui solat lima kali sehari dari awal pagi (solat Subuh) hingga ke malam (solat

¹⁰⁹ Munir Muhammad al-Ghadban, *op.cit.*, h.188.

¹¹⁰ Munir Muhammad al-Ghadban, *op.cit.*, h.186.

Isyak). Latihan secara berterusan dan bersistematik ini menghapuskan kelemahan-kelemahan pada peribadi para sahabat Baginda S.A.W. dan menjadikan mereka sentiasa bersedia pada setiap keadaan. Tugas mengerjakan solat ini tidak boleh diabaikan walau dalam keadaan apa sekalipun, sama ada di dalam perjalanan, sakit ataupun berhadapan dengan musuh di medan peperangan, tanggungjawab solat tetap wajib ditunaikan.¹¹¹

Solat lima waktu juga disyariatkan supaya dikerjakan secara berjemaah. Jika diteliti corak pelaksanaan Rasulullah S.A.W. terhadap solat jemaah, didapati bahawa ia memang benar-benar mempunyai hubungan rapat dengan latihan jihad. Rasulullah S.A.W. sentiasa menekankan kelurusan saf dalam solat jemaahnya dan Baginda S.A.W. amat tegas dalam hal ini. Diceritakan oleh Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah S.A.W. selalu meluruskan saf solat kami seolah-olah Baginda S.A.W. mahu ianya lurus seumpama *al-Qidah* (batang anak panah) sehinggalah Baginda S.A.W. melihat kami telah memahaminya".¹¹² Anas bin Malik r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud: "*Luruskanlah saf kamu, sesungguhnya meluruskan saf itu adalah sebahagian daripada iqamah (mendirikan) solat.*"

Di medan peperangan pula, Rasulullah S.A.W. melatih para sahabat menekankan soal organisasi dan disiplin dari awal peperangan (sebelum bertempur dengan musuh) sehinggalah dalam setiap pergerakan pada setiap tahap peperangan.¹¹³ Di hari peperangan Baginda S.A.W. akan meluruskan saf tentera Islam dengan anak panah yang Baginda S.A.W. bawa dan mengisyaratkan sebahagian berundur dan sebahagian yang lain maju sehinggalah mereka berbaris dalam satu saf yang lurus. Kemudian Baginda S.A.W. memberi arahan-arahan yang tegas mengenai operasi pertempuran agar tidak memulakan peperangan sebelum diperintahkan. Mereka juga

¹¹¹ Mustafa as-Sibai'e, *op.cit.*, h.61.

¹¹² Fath al-Bari Li-lbni Rejab, *op.cit.*, h, 142.

¹¹³ Muhammad Said Ramadhan al-Buti (Jilid 2), *op.cit.*, h.364.

diarahkan supaya mematuhi setiap arahan dan melaksanakannya dengan segenap keupayaan kerana ia penting sebagai pengajaran apa yang berlaku tatkala peperangan Uhud.¹¹⁴

b. Fizikal dan Persenjataan

Latihan fizikal amat penting untuk melahirkan tentera atau mujahid yang tahan lasak dan tidak mudah mengalah dengan kekuatan musuh di medan perang. Apatah lagi, dalam corak peperangan zaman dahulu yang sememangnya lebih banyak menggunakan kekuatan tenaga dan fizikal untuk beradu kekuatan senjata secara berdepan dengan musuh. Dari segi senjata pula, tidak ada nilai pada senjata melainkan jika ianya digunakan ketika peperangan. Latihan menggunakan senjata yang dilakukan secara bertahap dan berterusan akan membawa kepada kemahiran dan keberkesanan penggunaan senjata khususnya ketika di medan peperangan.

Hanya pejuang atau tentera yang terlatih sahaja yang mampu menggunakan senjata dengan semaksimanya. Manakala, tentera yang tidak terlatih pastinya tidak dapat memanfaatkan senjatanya dengan baik dan berkesan. Melihat kepada kepentingan di atas, Rasulullah S.A.W. mengarahkan latihan ketenteraan untuk sahabat-sahabat Baginda. Baginda S.A.W. menekankan soal kepentingan latihan fizikal dan penggunaan senjata yang lebih cekap. Baginda S.A.W. pernah menyatakan kepada mereka bahawa: *“Seorang mukmin yang kuat lebih baik di sisi Allah daripada seorang mukmin yang lemah”*.

Baginda S.A.W. menggalakkan mereka untuk berlatih memanah dan menggunakan senjata. Uqbah bin Amir menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. pernah

¹¹⁴ Muhammad Said Ramadhan al-Buti (Jilid 2), *op.cit*, h.367.

berkhutbah yang bermaksud: *“Bersiaplah untuk menghadapi mereka dengan sekuat tenaga yang kamu mampu. Kekuatan adalah memanah, kekuatan adalah memanah, kekuatan adalah memanah. Jangan ada di kalangan kamu yang cuai untuk menggunakan panahnya.”*¹¹⁵ Pada satu peristiwa ketika melihat satu pertandingan memanah, Baginda S.A.W. bersabda, *“Panahlah anak-anak Ismail kerana datuk kamu adalah pemanah”*.¹¹⁶

Baginda S.A.W. tidak suka seseorang meninggalkan latihan memanah dan latihan senjata setelah mempelajarinya tetapi sebaliknya menggalakkannya untuk terus berlatih dalam seni peperangan ini. Diriwayatkan bahawa Baginda S.A.W. pernah berkata: *“Jika seseorang pandai memanah kemudiannya meninggalkannya, dia bukan dari golongan kita”*. Sabda Baginda S.A.W. juga: *“Panahlah oleh kamu sekalian dan tunggulah dan kamu memanah lebih baik bagi kamu daripada kamu menunggang”*. Dalam satu hadis yang lain Baginda S.A.W. berkata: *“Setiap perkara yang melalaikan anak Adam adalah batil kecuali tiga perkara iaitu ia melontar anak panah dari busarnya, ia melatih kudanya dan gurauan dengan isterinya”*.¹¹⁷

c. Kepimpinan, Strategi dan Taktik

Rasulullah S.A.W. telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menyediakan peluang-peluang kepada para sahabat bagi mendapatkan latihan mengenai kepimpinan, strategi dan taktik dalam keadaan dan suasana peperangan. Baginda S.A.W. melatih mereka (para sahabat) secara beransur-ansur, bermula di bawah kawalan Baginda S.A.W., yang mana Baginda S.A.W. mendidik mereka melalui contoh peribadi Baginda S.A.W. mengawasi strategi peperangan, taktik, pembentukan

¹¹⁵ Mahmud Syed Khattab (1982), *al-‘Askariyyah al-‘Arabiyyah al-Islamiyyah*, Qatar: Riasah al-Muhakam al-Syar’iyyah wa al-Syuun al-Diniyyah. Hadis riwayat Imam Ahmad, daripada Kitab al-Nas, h. 106.

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 105.

¹¹⁷ Mahmud Syed Khattab (1982), *op.cit.*, h 106.

pertempuran dan perang psikologi. Iktibarnya sama seumpama berlaku kepada Hijrah Baginda.¹¹⁸

Baginda S.A.W. melatih mereka bagaimana untuk menyusun ofensif dan menguasai inisiatif strategikal, untuk membuat keputusan-keputusan melalui proses mesyuarat¹¹⁹ dalam melaksanakan operasi ketenteraan dengan segera, rahsia, pantas dan mobiliti untuk mengejutkan musuh dengan serangan yang tiba-tiba dan untuk menyempurnakan tujuan dengan jayanya, dengan kerugian nyawa dan kelengkapan yang minima dan di pada masa yang sama mengekalkan keselamatan di tahap yang tinggi.

Rasulullah S.A.W. melatih mereka dengan memberikan tugas-tugas kepimpinan bagi kumpulan ketenteraan yang kecil dan juga besar. Ini memberikan kepada mereka pengalaman kepimpinan dan geografi, yang mana pada kenyataannya adalah latihan praktikal di dalam pengajaran dan pembentukan rancangan-rancangan, perancangan-perancangan kempen dan operasi. Ia juga adalah latihan di dalam pengajian strategikal medan perang, yang mana mereka akan menghadapi musuh mereka dalam pelbagai keadaan.

2.3.6 Mempertingkatkan Kekuatan dan Persiapan

Apabila Rasulullah S.A.W. buat pertama kalinya berhadapan dengan orang-orang Quraisy di Badar, kedudukan Baginda S.A.W. amatlah lemah, iaitu hanya terdapat seramai 313 orang anggota dan dua ekor kuda. Namun, dalam peperangan Uhud pada tahun yang berikutnya, Baginda S.A.W. berjaya mengumpulkan seramai 700

¹¹⁸ Dr Muhammad Husein Haykal, (Bab 10 : Hijrah), *op.cit*, h.259.

¹¹⁹ Mustafa as-Sibai'e, *op.cit*, h.138.

orang, yang mana 100 orang daripadanya memakai baju besi dan juga sepasukan pemanah yang kuat.¹²⁰

Kemudian di Ahzab, Baginda S.A.W. berjaya menyusun satu pasukan seramai 3000 orang yang telah menggali perigi pertahanan menjadikan Madinah sebuah kubu yang kuat selama 6 hari berturut-turut. Dalam jangka masa 4 tahun dengan sumber-sumber yang terhad dan penentangan dari luar dan dalam Madinah, Baginda S.A.W. berjaya menambah kekuatan umat Islam sebanyak hampir 10 kali ganda, iaitu daripada 313 kepada 3000 orang dan dengan satu pasukan pemanah yang kuat dan sejumlah besar bersenjata dan lain-lain kelengkapan perang. Ini semua dapat dilakukan kerana Rasulullah S.A.W. benar-benar memahami akan kepentingan persiapan ketenteran di dalam peperangan. Oleh itu, Baginda S.A.W. telah menggunakan kesemua sumber-sumber dan usaha yang ada ke arah mendapatkan senjata untuk melatih pemuda-pemuda menggunakan senjata dan panah.¹²¹

Ketika “*Ghazwah Fathu Makkah*”,¹²² Rasulullah S.A.W. memimpin satu angkatan yang kuat iaitu seramai 10,000 orang dan ramai di antara mereka yang berkuda dan bersenjata lengkap. Baginda S.A.W. telah menyusun satu persiapan yang rapi untuk ‘*ghazwah*’ ini kerana kedudukan Makkah yang terletak di tengah-tengah Semenanjung Arab.

Ketika peristiwa Tabuk, Rasulullah S.A.W. telah mengarahkan para sahabat untuk membuat persiapan yang lebih rapi kerana perjalanan ke sana amat jauh dan sukar dan musuh pula amat kuat dan besar.¹²³ Setelah itu barulah Baginda S.A.W. mara bersama 30,000 orang anggota dengan 10,000 ekor kuda yang lengkap bersenjata.

¹²⁰ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.48.

¹²¹ Ahmad Adnan Fadzil & Riduan Mohd Nor, *op.cit.*, h.71.

¹²² Mustafa as-Sibai’e, *op.cit.*, h.113.

¹²³ Mustafa as-Sibai’e, *op.cit.*, h.118.

Walaupun jumlah anggota dan kelengkapan mereka adalah tidak setanding dengan kekuatan Rom, tetapi mereka telah berjaya mengatasi Rom di dalam kepandaian menggunakan senjata serta ketinggian moral mereka dan dalam strategi dan taktik perang.

2.4 SEMBOYAN, DOA DAN TAWAJUH RASULULLAH S.A.W.

2.4.1 Semboyan di Medan Peperangan

Diriwayatkan dari Abu Muhallab bin Abi Shafrah pernah mendengar Nabi S.A.W. bersabda yang bermaksud: *“Apabila musuh menyerangmu di waktu malam, maka katakanlah:*

حم لا تنصرون

Terjemahan:

*“Hāmim!, Semoga mereka tidak akan menang”.*¹²⁴

(Hadis riwayat Imam Ahmad, Tirmizi dan Abu Daud)

Diriwayatkan juga daripada al-Barra' bin `Azib ia berkata: Rasulullah S.A.W. pernah bersabda kepada kami: *“Kamu esok akan bertemu musuh, maka sesungguhnya semboyan kamu ialah:*

حم لا تنصرون

Terjemahan:

*“Hāmim! Semoga mereka tidak akan menang”.*¹²⁵

(Hadis diriwayatkan Imam Ahmad)

Dari Salamah bin al-Akwa' berkata: “Kami berperang bersama Abu Bakar di zaman Rasulullah S.A.W. maka, semboyan kami ialah:

¹²⁴ Mahmud Syed Khattab, *al-‘Askariyyah al-‘Arabiyyah al-Islamiyyah*, h.106.

¹²⁵ *Ibid.*, h.106.

آمت آمت

Terjemahan:

“Aku dapat mematikan, aku dapat mematikan”.¹²⁶

(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud)

Menurut para ulama: Perkataan: *“Hāmim, semoga mereka tidak akan menang”*, adalah lafaz *Tafā`ul* iaitu lafaz yang mengandungi harapan atau optimis sekiranya pihak lawan tidak akan mendapat kemenangan. Perkataan *آمت آمت* (*Aku dapat mematikan, aku dapat mematikan*)¹²⁷ juga lafaz *Tafā`ul* iaitu suatu harapan kematian musuh.

2.4.2 Doa dan Tawajuh Rasulullah S.A.W.

Di antara polisi peperangan yang diajar oleh Rasulullah S.A.W. kepada tentera Islam yang tidak pernah diketemukan oleh mana-mana ahli peperangan yang lain di dunia ini ialah berdoa dan bertawajuh kepada Allah S.W.T. di medan peperangan untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan daripada-Nya. Rasulullah S.A.W. mengajar kaum Muslimin bahawa kemenangan mereka bukan terletak pada kekuatan fizikal, bilangan tentera dan persenjataan semata-mata tetapi yang utamanya ialah kekuatan dari Allah S.W.T. Kerana itulah mereka tidak boleh lupa untuk bertawakal kepada Allah selepas membuat persediaan serta mendampirkan diri kepada-Nya dengan merendahkan diri dan berdoa memohon pertolongan daripada-Nya.

Berdoa dan solat hajat yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dalam kesemua peperangan yang disertai Baginda menunjukkan bahawa ia adalah salah satu kaedah untuk mencapai kemenangan. Doa adalah senjata yang ampuh, kerana apabila doa tersebut dikabulkan oleh Allah S.W.T., bererti tentera Islam akan mencapai

¹²⁶ Mahmud Syed Khattab, *al-‘Askariyyah al-‘Arabiyyah al-Islamiyyah*, h.106.

¹²⁷ ‘Aun al-Ma’bud Fi al-Rijal Yunada Bi al-Syi‘ar, Juz. 6, h. 14.

kemenangan. Justeru itu, Rasulullah S.A.W. telah bersabda:

الدعاء سلاح المؤمنون

Terjemahan:

*“Doa itu adalah senjata bagi orang-orang yang beriman”.*¹²⁸

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Abi Aufa bahawasanya Rasulullah S.A.W. pada hari-hari yang ia bertemu dengan musuh, Baginda S.A.W. menanti hingga condong matahari, kemudian Baginda S.A.W. bangun di tengah manusia lalu bersabda: *“Wahai sekalian kaum Muslimin, janganlah kamu bercita-cita bertemu musuh dan mohonlah kepada Allah keselamatan. Jika ditakdirkan kamu bertemu dengan mereka maka, bersabarlah kamu dan ketahuilah bahawa sesungguhnya syurga itu di bawah bayangan pedang”.* Kemudian Baginda S.A.W. berdoa:¹²⁹

اللهم منزل الكتاب ومجري السحاب وهازم الأحزاب, إهزمهم وانصرنا عليهم

Terjemahan:

“Ya Allah wahai Tuhan Yang menurunkan kitab, Yang mengarakkan awan, Yang mengalahkan tentera-tentera bersekutu (Ahzab), tewaskanlah mereka dan menangkanlah kami ke atas mereka”.

Antara doa Rasulullah S.A.W. lagi ketika peperangan ialah:

اللهم أنت عضدى ونصيرى بك أحول وبك أصول وبك أقاتل

Terjemahan:

“Ya Allah, wahai Tuhan kami!, Engkaulah pembantuku dan penolongku, dengan kekuatan Engkaulah aku membuat helah atau perancangan (untuk menghadapi tipu daya musuh), dengan kekuatan Engkaulah aku menerkam (ke

¹²⁸ [Http://percikaniman.org/data/MPI-27-12-2009.pdf](http://percikaniman.org/data/MPI-27-12-2009.pdf)

¹²⁹ Fath al-Bari Li-Ibni Hajar al-‘Asqalani, (Juz. 18), h. 107.

atas musuh) dan dengan kekuatan Engkaulah aku berperang (dengan musuh)".

2.5 KESIMPULAN

Hasil usaha keras Rasulullah S.A.W. melaksanakan jihad dengan mengutuskan *sariyah-sariyah* (kumpulan-kumpulan tentera) dan memimpin *ghazwah* selama lebih kurang 9 tahun, Baginda S.A.W. telah mencapai kejayaan dengan menguasai keseluruhan semenanjung Tanah Arab dan menyatukannya di bawah satu panji iaitu panji-panji Islam buat kali pertama dalam sejarah. Dalam jangka masa tersebut, Baginda S.A.W. berusaha mengalahkan setiap musuh Baginda S.A.W. dan telah turut melumpuhkan kuasa dan penentangan mereka. Natijahnya, kehebatan tentera Islam pimpinan Rasulullah S.A.W. sebagai pejuang akhirnya bukan sahaja digeruni di sekitar Tanah Arab tetapi juga oleh dua kuasa besar dunia ketika itu iaitu empayar Rom dan Parsi. Apa yang lebih bermakna, kejayaan jihad Rasulullah S.A.W. tersebut telah meninggikan martabat Islam sebagai agama yang berdaulat dan mewujudkan keamanan dan keadilan di seluruh semenanjung Arab. Pemerintahan berdasarkan penindasan, kezaliman, permusuhan dihentikan dan digantikan dengan pemerintahan berlandaskan kebaikan, keadilan dan persaudaraan. Hukum Syaitan dan hawa nafsu dihapuskan dan digantikan dengan hukum Allah S.W.T.

Kejayaan jihad yang diasaskan oleh Rasulullah S.A.W. itu tidak terhenti setakat Tanah Arab sahaja. Selepas kewafatan Baginda S.A.W., tentera-tentera mujahid yang diasuh dan dididik oleh Baginda S.A.W. telah meneruskan perjuangan jihad suci itu sehingga mereka berjaya meluaskan penguasaan Islam hingga tersebar dari Timur ke Barat (iaitu dari China ke Perancis) dan dari Utara (Siberia) ke Selatan (Lautan Hindi). Semuanya berlaku dalam tempoh yang singkat sahaja iaitu 89 tahun (iaitu dari tahun 11

Hijrah hingga ke tahun 100 Hijrah) hasil asuhan dan didikan yang lahir dari madrasah Rasulullah S.A.W.